

# MAJLIS PEMBUNGKUSAN BARANGAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2019M/1440H

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4918-majlis-pembungkusan-barangan-hari- raya-aidilfitri-tahun-2019m-1440h](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4918-majlis-pembungkusan-barangan-hari- raya-aidilfitri-tahun-2019m-1440h)

KUALA LUMPUR, 2 Mei 19 - Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT ATM, Puan Sri Hajah Rusnah binti Abdul Rahman telah menyempurnakan aktiviti pembungkusan barangan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2019M/1440H bertempat di Dewan Banquet BAKAT, Kuala Lumpur.



Turut hadir di majlis ini wakil Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Udara, Datin Sri Dato' Normah binti Mad Sap; Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Darat, Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Laut, Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Gabungan, serta Ahli-ahli Jemaah Tertinggi BAKAT ATM.



Majlis ini diadakan sebagai tanda keprihatinan dan penghargaan BAKAT kepada para pegawai dan anggota yang akan menjalankan tugas semasa hari lebaran dan bungkusan barangan ini akan diagihkan kepada mereka semasa perayaan Hari Raya Aidilfitri nanti.



Hadir sama Timbalan Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota, Brig Jen Dato' Raja Ahmad Ikram bin Raja Othman TUDM.



